

20/04/2001

Sidang mampu tarik lebih ramai pelajar antarabangsa

PERSIDANGAN Agung Kedua Kesatuan Universiti Negara Islam (FUIW) berupaya menjana kemasukan lebih pelajar antarabangsa ke universiti tempatan.

Timbalan Rektor (Akademik) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Datuk Dr Jamil Osman, juga berharap negara Islam lain akan mengiktiraf ijazah yang dikeluarkan universiti tempatan.

"Masih ramai pelajar yang sukar mendapat pekerjaan di negara mereka apabila pulang dengan membawa ijazah dari negara ini.

"Sebagai contoh, pelajar Turki yang selesai belajar di negara ini, sukar mendapat pekerjaan di negara mereka hanya kerana ijazah yang tidak diiktiraf," katanya ketika ditemui selepas majlis penutup FIUW, di sini hari ini.

UIAM yang ditubuhkan pada 10 Mei 1983, kini mempunyai 15,949 penuntut, termasuk 15 peratus daripadanya datang dari 96 negara lain.

Selain itu, beliau berkata, dengan penyertaan Universiti Teknologi Malaysia pada persidangan kali ini, menjadikan jumlah keseluruhannya penyertaan universiti tempatan menjadi lima.

Katanya, sebelum ini persidangan itu hanya disertai UIAM, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

"Pertambahan itu menunjukkan perkembangan positif dalam usaha memartabatkan institusi pengajian tempatan terutama dalam bidang yang berkaitan dengan Islam.

"Bagi persidangan akan datang, penyertaan perlu dibuat lebih awal bagi mengelakkan tidak diterima kerana ruang yang disediakan amat terhad," katanya.

Dalam perkembangan lain, satu memorandum yang mengecam keganasan Israel diserahkan Rektor UIAM, Prof Dr M Kamal Hassan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Memorandum berkenaan ditandatangani berhubung keadaan di Palestin yang bermasalah akibat pencerobohan Israel.

Empat universiti di Palestin adalah anggota FUIW, dua daripadanya tidak menghantar wakil ke persidangan kali ini berikutan sekatan pergerakan mereka oleh regim Yahudi.

Setakat ini, FUIW dianggotai lebih daripada 180 universiti, termasuk dari negara Persidangan Pertubuhan Islam (OIC).

(END)